

Kempen penyertaan Melayu

- 6 APR 1989

9 + 1

PERSATUAN Wanita dan Teruna (Perwanit) merancang untuk mengadakan kempen menarik masyarakat Melayu melibatkan diri di balai-balai rakyat dan Jawatankuasa Penduduk (RC).

Dengan kerjasama jawatankuasa kegiatan Melayu di balai rakyat dan RC, Perwanit berharap peranan yang dimainkan bukan sahaja akan meningkatkan kesedaran masyarakat akan pentingnya melibatkan diri dalam arus nasional tetapi mengukuhkan lagi hidup berharmoni berbilang kaum negara ini.

Demikian antara matlamat utama Perwanit yang diutarakan dalam mesyuarat agung badan tersebut yang diadakan Ahad lalu.

Presiden Perwanit, Haji Is-

maon Ali, memberitahu *Berita Harian*:

"Kami belum melancarkan strategi untuk melancarkan kempen itu. Ia mungkin mengambil masa beberapa bulan tetapi yang penting, bila rancangannya siap kelak, ia harus mendatangkan kesan yang positif."

Menerangkan sebab mengapa Perwanit memilih untuk bergerak di balai rakyat dan RC, Haji Ismaon berkata:

"Untuk menarik orang ramai bergiat dalam sesuatu kegiatan, kita harus pastikan isi kegiatannya menarik dan mendatangkan faedah dan mendapat perhatian masyarakat Melayu."

"Sebagai antara badan yang berpengalaman dalam kerja kemasyarakatan, kami rasa ber-

tanggungjawab berkongsi pengalaman untuk memenuhi keperluan itu."

Perwanit juga akan mengka-ji semula kegiatan-kegiatan yang telah dilakukan sebelum ini dan mencari pembaharuan sejajar dengan tuntutan zaman.

Anggota Parlimen Kawasan-undi Perwakilan Kumpulan (GRC) Bedok, Encik Ibrahim Othman, dalam mesyuarat itu telah melahirkan harapan agar Perwanit juga dapat memberi perhatian kepada golongan belia yang terlibat dalam kegiatan tidak sihat dan menarik mereka bergiat dalam seni silat.

Encik Ibrahim, yang juga merupakan Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), berkata: "Saya harap Perwanit dapat mencari jalan mengatasi beberapa masalah belia kita

yang berkelakuan negatif agar melibatkan diri dalam kegiatan silat yang sihat."

Anggota-anggota jawatankuasa Perwanit bagi 1989 hingga 1991 terdiri daripada:

Timbalan Pertama Speaker Parlimen, Encik Abdullah Tarmugi, dan Dr A.V. Burhanudin menjadi penaung sementara Encik K.S. Moorthy Zakaria, penasihat.

Haji Ismaon (presiden), Encik Harun Abdul Ghani (timbalan presiden), Encik Mohd Zain Haji Ali (naib presiden), Encik Johari Uriff (setiausaha agung), Encik Johari Haji Mokti (penolong setiausaha agung), Encik Ali Muhammad (bendahari), Encik Ramli Awi (penolong bendahari).

PENDAKULAH